



PEJABAT KEWANGAN NEGERI,
PERAK DARUL RIDZUAN,
ARAS G, BANGUNAN PERAK DARUL RIDZUAN,
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB,
30000 IPOH.

Telefon/Faks :
Talian Utama - 05-2095000
Pegawai Kewangan Negeri - 05-2423311
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri - 05-2424243
Bendahari Negeri - 05-2538989 (F)
- 05-2536646
- 05-2416646 (F)
Website : <http://kewangan.perak.gov.my/>
: <http://espeks.perak.gov.my/>

Ruj. Kami: Bil (35) dlm.P.KEW.N.Pk.
25/4 Jld 34
Tarikh: 28 Rabiul Akhir 1439
16 Januari 2018

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Negeri Perak Darul Ridzuan**

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

PERMOHONAN BAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a) [AP58(a)]

Dengan hormatnya saya merujuk surat kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa sebarang pembayaran bagi bil/invois bekalan dan perkhidmatan mengurus tahun 2017 yang dikemukakan pada tahun semasa dan masih mempunyai baki, perlu mendapat kelulusan daripada **Bendahari Negeri**. Sekiranya baki Objek Sebagai yang berkaitan tidak mencukupi, permohonan kelulusan bayaran AP58(a) dengan justifikasi dan bukti lengkap perlu dikemukakan kepada **Pegawai Kewangan Negeri** untuk kelulusan **selewat-lewatnya pada atau sebelum 30 Mac 2018**.

3. Sekiranya pihak PTJ masih tidak menyelesaikan pembayaran tersebut selepas dari tarikh yang di nyatakan, sebarang permohonan di bawah A.P.58(a) tidak akan dipertimbangkan oleh pentadbiran ini.

4. Justeru itu, kerjasama YBhg. Dato'/Tuan/Puan selaku Pegawai Pengawal dipohon untuk memastikan semua rekod kewangan disemak dan dikemaskini segera. **Sebarang permohonan yang lewat akan di arahkan untuk menggunakan AP59 bagi maksud berkenaan** seperti yang dinyatakan di dalam **Pekeliling Kewangan Negeri Perak Bil.1/2018**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(**TENGGU SILIAWATI T.SALIM**)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Bajet)
b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Perak Darul Ridzuan

s.k. Bendahari Negeri
Perak Darul Ridzuan